

Mahathir ingatkan orang Melayu

JANGAN DENGAR DAKYAH CUBA ROSAK KERAJAAN

KUALA LUMPUR 13 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat terutama orang-orang Melayu supaya jangan terpengaruh dengan dakyah-dakyah pihak tertentu yang cuba merosakkan kerajaan sekarang.

Perdana Menteri berkata, orang-orang yang tidak setia kepada UMNO telah berjaya mengahramkan parti itu dan kumpulan ini akan terus berusaha memburukkan UMNO sehingga keadaan politik orang Melayu menjadi bertambah rumit.

Kumpulan itu menurut Perdana Menteri cuba menarik orang-orang UMNO supaya tidak menjadi ahli UMNO, memecah - belah perpaduan di peringkat cawangan dan bahagian yang kesemuanya bertujuan memecah - belahkan orang-orang UMNO.

Beliau berkata demikian kepada kira-kira 40 orang wakil pekebun kecil seluruh negara selepas mereka melafazkan ikrar taat setia kepada kerajaan sekarang yang dipimpin oleh Datuk Sri Dr. Mahathir dan Timbalannya Encik Ghafar Baba di

sini tengah hari ini.

“Saya harap mereka yang sayangkan UMNO sebagai benteng pertahanan jangan mudah terpengaruh dengan dakyah - dakyah yang memburukkan kerajaan dan kita akan menumpukan perhatian untuk menangkis segala usaha buruk yang dilakukan oleh pihak lain,” katanya.

Berbagai angkara

Menurut Perdana Menteri lagi, kumpulan itu akan terus menimbulkan berbagai angkara dan akan berbuat apa saja seperti kata pepatah “tidak dapat tanduk telinga dipulas.”

Sehubungan dengan itu juga, usaha memulihkan UMNO akan terus berhadapan dengan masalah akibat orang - orang yang menimbulkan berbagai dakyah bagi menghilangkan kuasa UMNO.

Perdana Menteri juga menjelaskan beliau serta rakan - rakan yang lain dalam kerajaan akan ber-

usaha mengatasi masalah yang berlaku sekarang tetapi ia bukan menjadi perkara yang mudah kerana ada orang-orang yang tidak setia yang menggunakan mahkamah untuk menjatuhkan kita.

Menurut beliau lagi, pihak lain tidak suka melihat keadaan ekonomi pulih dan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

“Mereka berusaha mewujudkan keadaan tidak tenang, mereka juga menjejaskan perjalanan dalam kerajaan dan meneruskan usaha mengharamkan UMNO yang menjadi teras kerajaan,” katanya lagi.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat bahawa kerajaan yang tergugat akibat perbuatan orang - orang yang ingin menjejaskan imej negara akhirnya membawa negara kepada satu keadaan yang buruk.

Katanya, negara menghadapi masalah kerana ada pihak yang mempunyai kepentingan diri cuba menimbulkan keadaan tidak tenang dengan menjejaskan kestabilan politik serta imej negara aman dan usaha ini hendaklah dipatahkan oleh rakyat.